

772,900 menganggur Disember tahun lalu

Kuala Lumpur: Kadar pengangguran Malaysia meningkat kepada 4.5 peratus pada tahun lalu, kadar tertinggi sejak 1993 yang merekodkan 4.1 peratus, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, pengangguran meningkat kepada 772,900 orang dengan kadar 4.8 peratus pada Disember tahun lalu manakala bilangan penduduk bekerja meningkat 0.1 peratus bulan ke bulan atau bersamaan dengan 19,300 orang kepada 15.22 juta orang selepas mencatatkan penurunan marginal pada bulan sebelumnya.

"Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan kemampuan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan kekal pada 65.1 peratus," katanya dalam



DR Mohd Uzir

kenyataan mengenai Statistik Tenaga Buruh Malaysia, Disember dan Suku Tahun Keempat 2020 yang dikeluarkan, semalam.

Beliau berkata, dari segi penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, kategori pekerja yang merangkumi 77.6 peratus daripada jumlah guna tenaga meningkat 0.2 peratus atau 23,500 orang

kepada 11.81 juta orang berbanding dengan angka pada bulan sebelumnya.

"Sementara itu, kategori bekerja sendiri yang merangkumi 15.8 peratus penduduk bekerja terus mencatatkan pengurangan bagi bulan ketiga sebanyak 0.6 peratus kepada 2.40 juta orang pada Disember tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, kumpulan itu terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja di pasar tani, pasar malam, gerai makanan, pekerja sambilan serta pekebun kecil.

Mohd Uzir berkata, bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu meningkat kepada 146,200 orang berbanding dengan angka pada November tahun lalu iaitu 142,000 orang disebabkan pelaksanaan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

sepanjang bulan itu selain cuti persekolahan dan cuti perayaan yang singkat.

"Kumpulan ini yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk dikembalikan," katanya.

Beliau berkata, keadaan pasaran buruh pada Disember tahun lalu yang masih dipengaruhi krisis kesihatan dan kesan ekonomi memperlambatkan momentum pemulihan pasaran buruh.

"Oleh itu, pasaran buruh pada bulan itu kekal kompetitif dengan bilangan tenaga buruh meningkat 27,800 orang kepada 15.99 juta orang daripada 15.96 juta pada November tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) pada bulan itu adalah 68.4 peratus. - Bernama